



## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI ROSLI BIN ISA  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**PROGRAM MESRA RAKYAT KELUARGA MALAYSIA  
(ZON TENGAH)  
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**12 JULAI 2022 (SELASA)**

**PADANG DEWAN SERBAGUNA SUNGAI KERANG, TRONG  
TAIPING, PERAK**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam Keluarga Malaysia.**

Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan  
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

Yang Berusaha Encik Abdul Wahid bin Abu Salim  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)

Yang Berusaha Encik Mohamad Razif bin Haji Abd Mubin  
Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga)

Ketua-ketua Jabatan

Setiausaha-setiausaha Bahagian

Para pemimpin tempatan, Penghulu-Penghulu Mukim, tuan-tuan dan  
puan-puan yang dimuliakan.

1. Pertamanya saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. lantaran di atas keizin-Nya juga dapat kita bersua pada hari ini sempena Program Mesra Rakyat Keluarga Malaysia (Zon Tengah), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.
2. Kita juga amat bertuah kerana Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli sudi turun padang untuk bersama-sama masyarakat di sini.
3. Sesungguhnya saya agak terharu kerana idea untuk mengadakan program di kampung halaman saya ini adalah datangnya daripada Yang Berhormat Menteri sendiri dan saya amat menghargainya.

**Hadirin yang saya hormati.**

4. Sempena hari ketiga sambutan Hari Raya Aidiladha pada hari ini, selain kita melaksanakan ibadah korban secara bergotong-royong, aktiviti penanaman pokok juga telah diadakan sebentar tadi.
5. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) amnya dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak khasnya bersama-sama turut menjayakan Program Mesra Rakyat Keluarga Malaysia Peringkat Zon

Tengah ini dengan melaksanakan **penanaman sejumlah 303 pokok iaitu 300 spesies Bakau minyak di Hutan Simpan Sungai Tinggi dan 3 pokok Beruas di Perkarangan Dewan Serbaguna Sungai Kerang** serta **pengagihan anak pokok Bidara sejumlah 50 pokok kepada masjid-masjid dan surau-surau di sekitar Kampung Sungai Tinggi, Terong, Perak.**

6. Pelaksanaan penanaman dan pengagihan ini adalah selari dengan Program Penghijauan Malaysia : Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang telah dilancarkan secara rasminya oleh Mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Januari 2021 bertempat di Perkarangan Seri Perdana, Putrajaya dengan simbolik penanaman Pokok Kebangsaan iaitu Pokok Merbau.

7. **Sehingga 30 Jun 2022 Negeri Perak telah berjaya menanam sejumlah 3,180,605 pokok di mana pada tahun 2021 sebanyak 2,206,938 pokok dan dalam tahun 2022 (sehingga 30 Jun) sebanyak 973,667 pokok telah berjaya ditanam dan direkodkan.**

8. Bermula tahun 2022, julung-julung kalinya Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama Jabatan Agama Islam Negeri Perak melaksanakan Program Penghijauan Malaysia Peringkat Negeri Perak

bertemakan Masjid Dalam Taman Indah dan Ceria telah dilancarkan di Masjid Ar-Rashdiah, Selama, Perak. Sebanyak **200 pokok Penaga lilin telah ditanam di sekitar 20 buah masjid yang terdapat di seluruh Daerah Larut dan Matang Selama.**

9. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) juga bersama-sama Jabatan dan Agensi di bawahnya menyediakan aktiviti pameran bagi memberi peluang masyarakat di sini mendekatkan diri dan mendapatkan perkhidmatan secara terus dengan Jabatan dan Agensi di bawah KeTSA. Kepada masyarakat di sini, ambillah peluang ini untuk mengunjungi khemah pameran yang disediakan.

**Hadirin yang saya hormati.**

10. Sesungguhnya, ibadah korban adalah satu tanda untuk kita menzahirkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T. di atas segala nikmat yang dikurniakan kepada kita dan menginsafi nasib mereka yang kurang bernasib baik.

11. Justeru, bersama-samalah kita menjadikan Hari Raya Aidiladha ini sebagai titik tolak untuk kita terus menghayati nilai pengorbanan agar kita tergolong di kalangan hamba Allah S.W.T. yang dirahmati.

12. Di akhir ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha, maaf zahir dan batin. Mudah-mudahan segala amal kebajikan dan ibadah kita sentiasa direhái dan semoga ibadah korban yang telah kita lakukan akan diterima dan mendapat ganjaran pahala daripada Allah S.W.T.

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**